

25 JUN 1996  
Sanusi-Tanah

#### JANGAN BELI TANAH DARIPADA SYARIKAT YANG SEDANG DISIASAT

LANGKAWI, 25 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid hari ini menasihatkan sektor swasta dan individu supaya mengelakkan diri daripada membeli tanah di negeri ini daripada syarikat-syarikat yang kini dalam siasatan pihak berkuasa.

Beliau berkata, ini bagi mengelakkan sebarang kerumitan dan keadaan yang memalukan.

Sanusi berkata, terdapat petanda yang tanah-tanah itu sedang dijual kepada peniaga-peniaga dan sektor swasta pada harga yang begitu murah.

"Saya tidak memburu sesiapa tetapi hanya menasihatkan mereka supaya jangan membeli tanah seperti itu," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan Program Gerak MESRA Jabatan Penerangan peringkat daerah Langkawi.

Sanusi pada 19 Jun mengarahkan pembekuan semua keputusan terhadap pengambilan tanah bagi projek-projek yang membabitkan agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta.

Ini bagi memudahkan siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap beberapa syarikat swasta dan agensi kerajaan.

Sementara itu, beliau berkata rakyat Kedah terutamanya penduduk Langkawi mesti mengikis perasaan hasad-dengki jika ingin terus makmur.

Selain itu, katanya sikap mengenang budi juga perlu menjadi amalan hidupan harian mereka.

Sanusi berkata di negeri ini, penduduk Langkawi sepatutnya merasakan diri mereka paling bertuah kerana menikmati pelbagai faedah yang tidak diperolehi di tempat lain dan ini semua adalah pemberian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Langkawi.

"Oleh itu, kita sepatutnya mengenang jasa beliau dan jika boleh membalasnya pula," kata beliau.

Kira-kira 1,000 orang menghadiri majlis itu. Turut hadir ialah Anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib. -- BERNAMA

ZAA PR